

KERAJAAN NEGERI KELANTAN**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN
BILANGAN 1 TAHUN 2014****PENJELASAN KEPADA PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN BIL. 2/2008**

Arahan ini dikeluarkan untuk memberi penjelasan kepada semua Pentadbir Tanah jajahan negeri Kelantan mengenai Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Kelantan (PTG) Bil. 2/2008 berhubung perwakilan kuasa kepada Pengarah Tanah dan Galian serta Pentadbir Tanah jajahan bagi kelulusan pindahmilik tanah atau pajakan mana-mana tanah yang dikenakan sekatan kepentingan di bawah Seksyen 120 Kanun Tanah Negara 1965 (Warta Kerajaan Kelantan Kn.P.U. 8 bertarikh 3 Julai 2008).

2. Terdapat kekeliruan pada Pekeliling tersebut mengenai kes permohonan yang patut dipertimbangkan melalui perwakilan kuasa yang telah diperturunkan. Ini kerana Pekeliling berkenaan tidak menjelaskan secara terperinci kes-kes permohonan yang memenuhi maksud perwakilan kuasa tersebut.
3. Selaras dengan itu, semua Pentadbir Tanah jajahan hendaklah mengambil maklum bahawa kuasa yang diperturunkan kepada Pengarah Tanah dan Galian serta Pentadbir Tanah jajahan menurut perwakilan kuasa tersebut adalah bagi kelulusan pindahmilik atau pajakan tanah kepada **Melayu Peranakan Kelantan** sahaja melibatkan tanah yang dikenakan sekatan kepentingan.
4. Sekiranya tanah terlibat dikenakan sekatan yang tidak membenarkan pindahmilik dalam tempoh 10 tahun daripada tarikh pendaftaran hakmilik pertama dan tempoh tersebut belum berakhir, maka perwakilan kuasa tersebut tidaklah terpakai **kecuali** tempoh yang dinyatakan telah luput.

5. Sekiranya pula tempoh sekatan tidak boleh dipindahmilik dalam tempoh 10 tahun belum berakhir (bagi mana-mana tanah yang terdapat sekatan sedemikian) dan pindahmilik tersebut adalah kepada **waris terdekat** (sebagaimana yang ditakrifkan melalui Pekeliling PTG Bil. 6/2003 dan Pekeliling PTG Bil. 4/1994) yang merupakan Melayu Peranakan Kelantan, maka kuasa meluluskan permohonan sedemikian adalah Pengarah Tanah dan Galian atau Pentadbir Tanah jajahan mengikut jenis pegangan hakmilik.
6. Pengarah Tanah dan Galian atau Pentadbir Tanah bagi maksud perwakilan kuasa tersebut adalah merujuk kepada **Pengarah Tanah dan Galian** atau **Pentadbir Tanah** sahaja dan **tidak termasuk** Timbalan Pengarah Tanah dan Galian atau Penolong Pentadbir Tanah.
7. Semua Pentadbir Tanah jajahan hendaklah memastikan penggunaan sepenuhnya sistem *e-Consent* dalam memproses mana-mana permohonan sedemikian.
8. Arahan ini adalah berkuatkuasa serta merta dan semua Pentadbir Tanah jajahan negeri Kelantan hendaklah mengambil maklum dan tindakan sewajarnya bagi melaksanakan arahan ini.



(DATO' DR. TENGKU MOHAMED FAZIHARUDEAN B. TENGKU FEISSAL)
(TENGKU KAYA PERKASA)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN

KEPADA :

Yang Amat Berusaha,
Semua Pentadbir Tanah Jajahan Negeri Kelantan

SALINAN KEPADA :

1. YAB. Ustaz Dato' Menteri Besar Kelantan
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan
3. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
4. YB. Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
5. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
6. YABrs. Pengarah Audit Negeri Kelantan
7. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha, Majlis Mesyuarat Kerajaan

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN

NEGERI KELANTAN

BLOK 3 KOTA DARULNAIM,

15576 KOTA BHARU

KELANTAN

FAIL : PTG.KN.3269 JLD.3 (24)

BERTARIKH : 3 RABIUL AWAL 1435H

5 JANUARI 2014